

# Perdana Menteri sumber inspirasi


► *Usia lanjut bukan penghalang genggam ijazah sarjana*

**KOTA KINABALU:** Menjadikan Perdana Menteri Malaysia Tun Dr Mahathir Mohamad yang berusia 93 tahun sebagai sumber inspirasi, mantan Pengarah Jabatan Air Sabah, Datuk Cosmas Julius Abah, 72, tidak menjadikan usianya sebagai penghalang untuk genggam ijazah sarjana dalam bidang linguistik pada Sabtu.

“Saya menjadikan Tun Mahathir sebagai idola dan ‘benchmark’ kerana walaupun telah berusia, beliau masih kuat dan bersemangat menjalankan tugasnya mentadbir negara.

*“Saya menjadikan Tun Mahathir sebagai idola dan ‘benchmark’ kerana walaupun telah berusia, beliau masih kuat dan bersemangat menjalankan tugasnya mentadbir negara.”*


**DATUK COSMAS JULIUS ABAH**



“Hari ini pastinya saya berasagembiradanberbangga kerana dalam usia ini dapat menghabiskan pelajaran... ia bukanlah sesuatu yang mudah menyiapkannya selepas bersara pada 2003.

“Kata orang selepas bersara itu, sepatutnya saya boleh berehat dan menikmati masa lapang kerana belajar ini kadang-kadang akan membuatkan kita rasa tertekan.

“Tetapi saya rasa kalau kita tidak mengguna dan mengaktifkan otak serta minda seperti yang dikatakan oleh Tun Mahathir, mungkin kita akan cepat mengalami



**COSMAS**

penyakit alzheimer atau cepat nyanyuk,” katanya.

Cosmas turut menitip nasihat kepada golongan muda agar tidak ketinggalan dalam pelajaran.

“Untuk belajar perlu ada disiplin sedikit. Saya bukannya seorang yang

pandai tetapi untuk belajar kita perlu bekerja keras untuk mencapai matlamat kita dan yang paling mustahak, jangan lupa berdoa kepada Tuhan untuk meminta bimbingan daripadaNya.

“Saya mengambil masa selama dua tahun setengah untuk menghabiskan kursus ini dan ia agak susah kerana saya perlu membuat penyelidikan sendiri tanpa sebarang rujukan memandangkan tajuk kajian belum pernah dilaksanakan lagi.

“Saya bertuah keluarga sangat memberi sokongan dan mereka amat berbangga dengan saya selain turut menjadikan saya sebagai inspirasi kepada tiga anak dan empat cucu saya,” katanya.

Cosmas turut melahirkan penghargaan kepada penyelia Dr Jane Wong kerana telah membantu dan banyak memberi tunjuk ajar membangunkan



**SHAFIE** (kiri) menerima watikah pelantikan Pro-Canselor daripada Juhar (kanan).


linguistik atas minat yng mendalam dalam bidang bahasa terutamanya bahasa Dusun dan sekali gus penyelidikan saya ini dapat membantu memelihara bahasa Dusun daripada hilang ditelan zaman,” kongsinya kepada pemberita.

Sementara itu, Pensyarah di Institut Perguruan Jalan Gaya Rozita Buyoh turut melahirkan rasa syukur dan gembira kerana berjaya menamatkan kursusnya dalam masa yang ditetapkan.

“Saya sangat bersyukur kerana berjaya menghabiskan Ijazah Doktor Falsafah (PHD) dalam bidang Linguistik Kadazan Dusun seperti yang ditetapkan dalam syarat Hadiah Latihan Persekutuan (HLP), iaitu tiga tahun.

“Perjalanan PHD memang tidak mudah kerana banyak cabaran yang tidak terjangka perluditempuhitetapisyukur suami saya (Volentine Jiloh) serta tiga anak saya amat memahami dan memberi sokongan kepada saya,” kongsinya.

Rozita turut bakal menerima Anugerah Aspirasi pada 28 November ini kerana berjaya menghabiskan



**ROZITA**

sepanjang enam semester berkenaan.

“Itidak mudah hinggakan kadang kala seperti hendak putus ada, tetapi syukur keluarga dan dua penyelia saya banyak beri sokongan.

“Sepanjang pengajian, saya mengikuti semua program yang dianjurkan oleh universiti dan turut mengambil kursus komputer di luar, belajar bagaimana membuat pengumpulan data selain turut ke lapangan bagi mengumpul data di Pulau Banggi menggunakan kos sendiri,” katanya.

Menurut Rozita, pengajiannya adalah kepada penyelidikan linguistik

sebarang kajian yang memberi fokus kepada morfologi bahasa Kadazan Dusun melainkan kepada bidang seni dan sastera.

Untuk rekod, beliau merupakan pelajar pertama yang membuat kajian bahasa Kadazan Dusun tulen di negeri ini.

Cosmas dan Rozita merupakan antara 793 graduan yang menerima ijazah termasuk ijazah kedoktoran, ijazah sarjana dan diploma bagi sidang satu Majlis Konvokesyen Universiti Malaysia Sabah (UMS) ke-20, pagi Sabtu.

Seramai 5,003 graduan terdiri daripada 4,276 ijazah sarjana muda, 603 ijazah sarjana, 55 ijazah doktor falsafah dan 69 diploma menerima ijazah masing-masing pada majlis konvokesyen yang bermula Sabtu hingga hari ini.

Pengistiharan majlis konvokesyen berkenaan disempurnakan oleh Yang Dipertua Negeri Sabah merangkap Canselor UMS Tun Juhar Mahiruddin dan turut dihadiri Toh Puan Norlidah RM Jasni.

Hadir sama ialah dua Pro-Canselor UMS yang baru dilantik, Ketua Menteri

Halangan bagi memastikan bantuan pembangunan semula Pada September, Turki dan Rusia dan Iran campur tangan bagi pihak Syria, memas- karta pihak Kementerian, Al-Bab dekat dengan Aleppo, sekurang-kurangnya A\$29 juta dalam ber- dan menjadi sangat mustahak. Penahanan papperditaran Carhuacho turut menga- rahkan Jaime Yoshiyama un- Rendakwa raya mungkin.